

Najib juga akan ke Singapura

UM - 19/10/2021 m/s: 10

Oleh SUWARNI MOKHTAR

utusannews@mediamulia.com.my


PUTRAJAYA: Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak akan mengikuti isterinya, Datin Seri Rosmah Mansor ke Singapura bagi menemani anak perempuan mereka, Nooryana Najwa yang dijangka bersalin awal November ini.

Bagaimanapun, Najib hanya akan ke negara itu pada 3 November ini, selepas selesai sesi pembentangan dan debat Belanjawan 2022 di Parlimen.

Empat hari lalu, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur membenarkan permohonan Rosmah mendapatkan semula pasportnya bagi tujuan sama untuk tempoh 15 Oktober hingga 6 Disember ini.

Namun Hakim Mohamed Zaini Mazlan mengenakan syarat tambahan iaitu Rosmah hanya boleh terbang ke Singapura pada 22 Oktober ini, sehari selepas perbicaraan kes rasuahnya di hadapan hakim sama dan perlu pulang ke Malaysia pada atau sebelum 21 November 2021.

Dalam affidavit sokongan yang diikrarkannya, Rosmah menyatakan, Nooryana Najwa kini menetap di Singapura selepas men-



NAJIB Tun Razak tiba di Mahkamah Rayuan Istana Kehakiman, Putrajaya semalam bagi permohonan mendapatkan pasport antarabangnya buat sementara bermula 20 Oktober sehingga 22 November ini. - UTUSAN/FAISOL MUSTAFA

dirikan rumah tangga dengan warganegara Kazakhstan, Daniyar Kessikbayev.

Najib dalam satu hantaran di akaun Twitter menyatakan anak perempuannya itu telah tinggal di negara jiran sejak tiga tahun lalu.

Terdahulu, panel tiga hakim yang diketuai Datuk Seri Kamaludin Md. Said dan bersidang bersama-sama Datuk Ravinthran Paramaguru dan Datuk Abu Bakar Jais memutuskan demikian selepas pihak pendakwa tidak mengemukakan

sebarang bantahan dan terdapat alasan yang munasabah.

“Pemohon hanya akan memulakan perjalanan pada 3 November tetapi memohon agar pasport akan dikembalikan kepada pemohon (Najib) pada 22 Oktober ini bagi tujuan pem-

baharuan dan pasport akan dikembalikan (ke mahkamah) oleh pemohon atau peguamnya pada 22 November ini.

“Dalam hal ini, pendakwa raya tidak mempunyai sebarang bantahan dan kami dapati terdapat alasan yang munasabah. Maka permohonan adalah dibenarkan dan pasport akan dikembalikan kepada pemohon pada 22 Oktober ini,” jelas Kamaludin.

Bagaimanapun, mahkamah tidak membuat sebarang perintah berhubung permohonan peguam Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah agar anak guamnya dikecualikan daripada arahan untuk lapor diri dua kali sebulan di balai polis berdekatan.

Selain Muhammad Shafee, Najib turut diwakili peguam, Nur Syahirah Hanapiah manakala pendakwaan dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya Mohd. Fairuz Johari.

Najib mengemukakan permohonan tersebut di Mahkamah Rayuan kerana beliau sedang merayu atas sabitan salah dan hukuman penjara 12 tahun di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur dalam kes penyelewengan dana syarikat SRC International Sdn. Bhd. (SRC International).